

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT
ATURAN URUSAN MESYUARAT

NASKHAH SAHIH/BAHASA MALAYSIA

<http://www.parlimen.gov.my>

HARI ISNIN, 11 MAC 2024, PUKUL 10.00 PAGI

Bil. 9

PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN

1. PR-1531-L23529
Datuk Seri Panglima Madius Tangau [Tuaran] minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan berapa sasaran pulangan pelancongan kepada ekonomi negara dan apakah program dan langkah-langkah untuk menarik lebih banyak pelancong asing untuk melawat Malaysia.
2. PR-1531-L23373
Dato' Seri Hamzah bin Zainudin [Larut] minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan apakah kaedah serta pendekatan baharu yang menepati ciri status pembangunan dan sosioekonomi tempatan bagi meningkatkan penguasaan ekonomi Bumiputera khususnya dalam segmen ekonomi baharu.
3. PR-1531-L23322
Datuk Seri Panglima Haji Mohd Shafie bin Haji Apdal [Semporna] minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan :-
 - (a) status terkini 15 pakej kerja fasa 1B Projek Lebuhraya Pan Borneo Sabah serta kaedah perolehan yang dibuat; dan
 - (b) jumlah syarikat yang berjaya dalam prakelayakan dan pecahan pemilikan syarikat (syarikat tempatan Sabah/syarikat semenanjung/syarikat antarabangsa).

4. PR-1531-L23314
Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Kubang Pasu] minta **MENTERI PELABURAN, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI** menyatakan apakah perancangan, strategi dan langkah Kerajaan bagi membangunkan wilayah utara Semenanjung Malaysia seperti Kulim (Kedah), Pulau Pinang dan Perak Utara sebagai '*cluster*' Elektrikal dan Elektronik bagi Malaysia dan dunia. Ini memandangkan Malaysia ketika ini adalah pengeksport semikonduktor ke-6 terbesar di dunia.
5. PR-1531-L23473
Datuk Hajah Siti Aminah binti Aching [Beaufort] minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan apakah usaha Kementerian dalam memastikan bekalan beras mencukupi di negeri Sabah. Adakah Kementerian telah mengambil kira akan kedudukan harga beras antarabangsa dan ianya tidak akan mempengaruhi bekalan beras di Sabah.
6. PR-1531-L23905
Datuk Dr. Nik Muhammad Zawawi bin Haji Salleh [Pasir Puteh] minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan apakah strategi dan tindakan yang akan diambil pihak Kerajaan bagi mengatasi masalah ketidakcekapan sistem jalan raya khususnya di bandar-bandar utama sehinggakan rakyat secara purata membazirkan masa hampir 500 jam setahun akibat kesesakan jalan raya.
7. PR-1531-L23860
Datuk Seri M. Saravanan [Tapah] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan apakah status aplikasi *Working for Workers* (WFW) Kementerian Sumber Manusia (KSM) yang menyediakan platform kepada warga pekerja bagi mengutarakan isu dan aduan mereka secara langsung kepada agensi berkaitan di bawah KSM.
8. PR-1531-L23423
Tuan Mohd Nazri bin Abu Hassan [Merbok] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah Kementerian sudah merangka jalan penyelesaian bagi masalah masa menunggu yang terlalu lama dan kesesakan pesakit menerima rawatan di Jabatan Kecemasan Hospital khususnya di Hospital Sultan Abdul Halim, Daerah Kuala Muda, Kedah.
9. PR-1531-L23634
Tuan Riduan bin Rubin [Tenom] minta **MENTERI PERLADANGAN DAN KOMODITI** menyatakan apakah usaha yang dilakukan oleh pihak Kementerian bagi memperkasakan industri koko negara terutamanya dalam menggalakkan aktiviti penanaman koko sebagai sumber ekonomi negara.

10. PR-1531-L23806

Dato' Azman bin Nasrudin [Padang Serai] minta **MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH** menyatakan perancangan Kementerian untuk memperkasakan lagi program-program TVET melalui pusat GiatMARA bagi melahirkan lebih ramai anak muda yang mahir dalam bidang automotif dan kemahiran lain serta adakah Kementerian boleh mempertimbangkan kenaikan elaun sekarang RM200 ke RM500 sebulan bagi menggalakkan lebih ramai anak muda menceburkan diri dalam bidang ini.

11. PR-1531-L23559

Datuk Seri Haji Jalaluddin bin Haji Alias [Jelebu] minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan apakah penambahbaikan yang akan dilakukan oleh pihak Kementerian khusus bagi pembangunan dan peningkatan hasil padi di negeri-negeri luar jelapang.

12. PR-1531-L24107

Puan Hajah Salamiah binti Mohd Nor [Temerloh] minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan :-

- (a) kayu ukur yang digunakan bagi membuktikan Malaysia sedang mengalami pertumbuhan yang mampan; dan
- (b) kejatuhan nilai mata wang Ringgit, adakah kesannya merugikan rakyat dan negara Malaysia.

13. PR-1531-L22943

Dato' Mohd Isam bin Mohd Isa [Tampin] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan tindak balas berhubung ramalan peningkatan harga ubat-ubatan serta produk farmaseutikal sekitar 5 hingga 10 peratus yang bakal memberi tekanan kewangan kepada para pesakit dan waris, khususnya terhadap individu yang menghadapi penyakit kronik.

14. PR-1531-L24207

Datuk Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Besut] minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan perancangan Kerajaan untuk menyemak semula Akta Kawalan Padi dan Beras 1994 dan Peraturan-Peraturan Kawalan Padi dan Beras (Pelesenan Kilang-Kilang Padi) 1996 untuk mengenakan hukuman lebih berat kepada mana-mana pihak yang menyelewengkan bekalan beras tempatan negara.

15. PR-1531-L22977

Dato' Indera Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar] minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan :-

- (a) apakah langkah merencanakan kembali ekonomi memandangkan kadar inflasi berkisar di bawah kadar 2 peratus semenjak September 2023 melambangkan kitaran ekonomi yang perlahan; dan
- (b) adakah sasaran pertumbuhan ekonomi sebanyak 4.3% pada tahun ini mampu dicapai.

16. PR-1531-L22760

Datuk Iskandar Dzulkarnain bin Abdul Khalid [Kuala Kangsar] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan status terkini projek naik taraf dan pembesaran Hospital Kuala Kangsar seperti yang diumumkan menerusi Belanjawan 2023 dan sejauh manakah komitmen semasa Kementerian terhadap pelaksanaan projek naik taraf hospital berkenaan.

17. PR-1531-L23560

Dato' Seri Haji Aminuddin bin Harun [Port Dickson] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan adakah perancangan daripada Kementerian untuk meningkatkan kemampuan dan keterampilan sumber daya manusia di bidang tenaga dan sains.

18. PR-1531-L23873

Datuk Haji Awang bin Hashim [Pendang] minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan jumlah majikan yang melaksanakan model gaji progresif dan jumlah insentif yang disediakan pihak Kerajaan untuk disalurkan khusus bagi pelaksanaan model gaji tersebut ke seluruh negara.

19. PR-1531-L23252

Tuan Tan Kok Wai [Cheras] minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan sama ada Kementerian berhasrat untuk memindahkan bidang kuasa selenggara jalan raya, baik jalan Persekutuan, negeri, pihak berkuasa tempatan atau agensi-agensi lain kepada hanya satu agensi/jabatan berpusat untuk memudahkan kerja-kerja penyelenggaraan dan menyeragamkan kualiti kerja.

20. PR-1531-L23952

Tuan Nurul Amin bin Hamid [Padang Terap] minta **MENTERI PERLADANGAN DAN KOMODITI** menyatakan status cadangan pengenalan mekanisme harga getah untuk kesinambungan hidup pekebun kecil (*Livelihood Rubber Price Mechanism*) di peringkat antarabangsa bagi memastikan harga getah asli berada dalam julat yang ditetapkan untuk mengurangkan ketidaktentuan harga getah dunia.

21. PR-1531-L23653

Tuan Syed Ibrahim bin Syed Noh [Ledang] minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan secara terperinci berkenaan pelan Kementerian untuk memastikan projek penanaman sawah kawasan luar jelapang akan diusahakan seiring kemajuan dan kemampuan projek penanaman sawah di Sekinchan .

22. PR-1531-L23980

Dato' Dr. Ahmad Yunus bin Hairi [Kuala Langat] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah status dan butiran-butiran terkini *International Health Regulation* (IHR) yang boleh didedahkan kepada orang awam, dan apakah pendirian Kementerian dan kesan kepada rakyat terutamanya sistem kesihatan negara.

23. PR-1531-L23674

Dato' Haji Shamshulkahar bin Mohd Deli [Jempol] minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan apakah usaha Kementerian bagi menggalakkan dan menaik taraf sektor pelancongan dalam negara memandangkan ramai rakyat Malaysia kini lebih gemar melancong ke negara jiran sebagaimana dilaporkan 20,000 orang sehari jumlah pelawat Malaysia mengunjungi Hatyai, Thailand pada hujung minggu.

24. PR-1531-L23803

Dato' Azman bin Nasrudin [Padang Serai] minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan adakah Kementerian akan menyelenggara jalan mengikut jadual agar memberikan kemudahan kepada pengguna seperti garisan putih yang pudar terpadam, jalan berlubang yang terlalu lama yang boleh menyebabkan kemalangan dan kematian.

25. PR-1531-L23527

Datuk Seri Panglima Madius Tangau [Tuaran] minta **MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH** menyatakan berapa jumlah jambatan gantung di seluruh negara mengikut negeri dan adakah Kementerian bercadang untuk menaik taraf jambatan-jambatan gantung usang dan merbahaya yang menjadi laluan utama murid-murid ke sekolah-sekolah khususnya di pedalaman Sabah.

26. PR-1531-L23895
Tuan Sabri bin Azit [Jerai] minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan penjelasan berkaitan kesesakan yang berlaku akibat tol yang membayar menggunakan RFID tidak efisien berbanding Smart Tag.
27. PR-1531-L23287
Datuk Andi Muhammad Suryady bin Bandy [Kalabakan] minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan apakah perkembangan projek pembaikan jalan raya melibatkan laluan Cerun Jalan Utama Felda Umas di Parlimen Kalabakan.
28. PR-1531-L23711
Tuan Mordi Bimol [Mas Gading] minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan rancangan Kerajaan tentang pembangunan kawasan sempadan Malaysia-Indonesia seperti Pekan Biawak atau Daerah Lundu dan Sematan amnya yang berpotensi tinggi dalam sektor pelancongan kerana ramai warga Indonesia daripada Kalimantan datang ke Kuching melalui ICQS Biawak untuk perkhidmatan perubatan.
29. PR-1531-L22950
Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Bera] minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan langkah-langkah dalam mengawal harga ayam di pasaran ekoran kenaikan kos utiliti seperti bil air dan elektrik.
30. PR-1531-L23899
Tuan Sabri bin Azit [Jerai] minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan penjelasan mengenai ketidakcukupan barang keperluan terutama bawang dan beras tempatan di seluruh negara.
31. PR-1531-L23549
Tuan Mohamad Shafizan Haji Kepli [Batang Lupar] minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan status terkini pembangunan infrastruktur pengairan dan saliran di kawasan IADA Batang Lupar dan adakah Kementerian bercadang untuk memperluas konsep Smart Sawah Berskala Besar (SBB) Ala Sekinchan di kawasan ini ke arah menjadikan Sabah dan Sarawak sebagai Jelapang Padi Kedua .

32. PR-1531-L22925

Tuan Haji Yusuf bin Abd. Wahab [Tanjong Manis] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah status terkini Klinik Selalang yang telah diluluskan peruntukan dalam RMK-10 tetapi belum dilaksanakan. Apakah langkah-langkah sementara bagi menangani masalah ketiadaan klinik ini.

33. PR-1531-L23363

Dato' Syed Abu Hussin bin Hafiz Syed Abdul Fasal [Bukit Gantang] minta **MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH** menyatakan jumlah peruntukan dan senarai projek yang lulus bagi tahun 2024 bagi kerja-kerja naik taraf/baik pulih jalan perhubungan desa, ameniti sosial dan memasang lampu jalan solar di kawasan Parlimen Bukit Gantang merujuk kepada 5 Mukim, Taiping, Matang, Bukit Gantang, Trong dan Sungai Tinggi.

34. PR-1531-L23139

Puan Wong Shu Qi [Kluang] minta **MENTERI PELABURAN, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI** menyatakan jumlah stesen pengecas kenderaan elektrik setiap negeri serta rancangan Kementerian untuk meningkatkan jumlah penggunaan kenderaan elektrik.

35. PR-1531-L22722

Tuan Zahari bin Kechik [Jeli] minta **MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH** menyatakan status terkini bagi program pelaksanaan usahawan dan golongan B40 di kawasan luar bandar bagi program Sokongan Pengukuhan Keusahawanan Luar Bandar (SPKLB), Program Peningkatan Pendapatan (PPP), Skim Pembiayaan Ekonomi Desa (SPED) dan Program Start Right (PSR).

36. PR-1531-L23569

Datuk Seri Haji Jalaluddin bin Haji Alias [Jelebu] minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan berapa jumlah petani di seluruh negara yang telah memperoleh pensijilan MyGap dan apakah langkah yang diambil bagi meningkatkan jumlah petani yang memperolehi sijil tersebut.

37. PR-1531-L23199

Tuan Haji Aminolhuda bin Hassan [Sri Gading] minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan bagaimanakah sesuatu konsensi dilantik dalam membina dan menyenggara jalan-jalan Persekutuan dan apakah manfaatnya perlantikan konsensi ini kepada Kerajaan.

38. PR-1531-L23970
Dr. Haji Abd Ghani bin Ahmad [Jerlun] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan status permohonan pembinaan baru Klinik Kesihatan Ayer Hitam (KKAH) dalam Parlimen Jerlun dan nyatakan langkah penyelesaian segera untuk mengatasi kekurangan peralatan rawatan kepada pesakit.
39. PR-1531-L22931
Tuan Lee Chuan How [Ipoh Timor] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan bilangan pakar perubatan yang berkecukupan, berbanding dengan keperluan sebenar mengikut perangkaan *waiting list* (dan yang lain) pesakit-pesakit yang memerlukan pakar perubatan, bagi Daerah Kinta, negeri Perak dan seluruh Malaysia.
40. PR-1531-L23331
Dr. Kelvin Yii Lee Wuen [Bandar Kuching] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan perincian pelan Kerajaan untuk merangka Akta Sumber Manusia yang baru bagi memenuhi keperluan masa kini dan juga memberikan lebih perlindungan kepada pekerja seperti pekerja dalam sektor GIG.
41. PR-1531-L23848
Dr. Ahmad Fakhrudin bin Fakhrurazi [Kuala Kedah] minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan hasil pulangan daripada pengenalan Tabung Infrastruktur Pelancongan (TIP) dan Tabung Khas Pelancongan (TKP) yang bertujuan untuk membantu dan membangunkan produk dalam sektor pelancongan sejak diperkenalkan.
42. PR-1531-L23275
Tuan Haji Ahmad Johnie bin Zawawi [Igan] minta **MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH** menyatakan sejauh mana Felcra Wilayah Sarawak membantu kawasan perkampungan peserta Felcra di luar bandar dari segi Ameniti Sosial dan Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR). Nyatakan jumlah dan jenis program yang dilaksanakan termasuk kawasan Parlimen Igan.
43. PR-1531-L24167
Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik] minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan punca dan relevansi Pangkalan Data Utama (PADU) beroperasi bersendirian tanpa dihubungkan dengan sistem pangkalan data LHDN yang sentiasa dikemaskini daripada sudut pengajian tahunan.

44. PR-1531-L22863

Datuk Suhaimi bin Nasir [Libaran] minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan apakah strategi serta perancangan pihak Kementerian bagi menggalakkan rakyat untuk melancong di dalam negara memandangkan pada masa ini rakyat lebih cenderung untuk melancong ke Thailand kerana kos yang lebih murah.

45. PR-1531-L23910

Datuk Dr. Nik Muhammad Zawawi bin Haji Salleh [Pasir Puteh] minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan adakah pihak Kementerian akan bertindak serius dalam membuat ledakan dalam pasaran modal atau kredit pertanian melalui penyediaan pinjaman tanpa faedah atau wakaf tunai pertanian bagi membuka akses kepada pemain industri pertanian baharu dan pasaran pertanian tempatan.

46. PR-1531-L22929

Tuan Lee Chuan How [Ipoh Timor] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah status terkini perancangan mewujudkan Pusat Kardiotorasik di Hospital Raja Permaisuri Bainun Ipoh, Perak HRPBI. Pesakit kardiotorasik KKM yang tinggal di Ipoh dan Perak (secara keseluruhan) terpaksa menampung kos dan beban tambahan disebabkan Perak tidak mempunyai sebuah Pusat Kardiotorasik walaupun Perak mempunyai beban pesakit yang tinggi.

47. PR-1531-L23823

Tuan Haji Abdul Latiff bin Abdul Rahman [Kuala Krai] minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan apakah insentif yang telah dilaksanakan oleh Kerajaan bagi menarik pelancong berkunjung ke Kelantan sempena Tahun Melawat Kelantan 2024 dan apakah insentif yang telah disediakan kepada pemain industri pelancongan yang terlibat.

48. PR-1531-L23864

Datuk Seri M. Saravanan [Tapah] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan adakah Kementerian akan mengkaji dan mencadangkan untuk memperkenalkan skim pencen kepada pekerja swasta sebagaimana sebelum ini, DOSM telah menyatakan bahawa Malaysia dijangka menjadi negara yang semakin tua menjelang 2030 apabila 15.3% daripada penduduk berumur 60 tahun dan ke atas atau *ageing population* .

49. PR-1531-L22758

Datuk Iskandar Dzulkarnain bin Abdul Khalid [Kuala Kangsar] minta **MENTERI PERLADANGAN DAN KOMODITI** menyatakan langkah proaktif Kementerian bagi menangani kerugian bernilai RM2.3 bilion Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) apabila ladang getah berkeluasan 425,000 hektar di seluruh negara tidak menghasilkan komoditi berkenaan dan apakah transformasi yang dirangka Kementerian bagi melonjakkan nilai harga komoditi getah ke paras lebih tinggi.

50. PR-1531-L23356

Puan Vivian Wong Shir Yee [Sandakan] minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan apakah rancangan dan insentif yang disediakan oleh Kementerian untuk membantu membangunkan sektor agropelancongan di negara ini, terutamanya di Sabah.

51. PR-1531-L23324

Dr. Kelvin Yii Lee Wuen [Bandar Kuching] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan :-

- (a) kadar pengambilan cuti paterniti sejak pengenalannya melalui pindaan Akta Kerja 1955; dan
- (b) nombor aduan yang diterima oleh Kementerian mengenai cuti paterniti.

52. PR-1531-L23441

Tuan Fathul Huzir bin Ayob [Gerik] minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan apakah faktor yang menyebabkan mutu pembinaan jalan batuan *pavement* semakin menurun memandangkan projek pembaikan Jalan Raya Timur Barat JRTB yang baru siap telah kembali rosak.

53. PR-1531-L23838

Tuan Haji Mohd Syahir bin Che Sulaiman [Bachok] minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh Kementerian untuk menangani isu kekurangan bekalan beras tempatan yang masih berlarutan dan menjejaskan kehidupan rakyat, bahkan memberikan tekanan kepada pengusaha restoran serta kedai makan, dan sejauh mana keberkesanan terhadap langkah-langkah yang telah diambil.

54. PR-1531-L23348

Puan Vivian Wong Shir Yee [Sandakan] minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan bilakah *tender* bagi Pakej 26 Projek Lebuhraya Pan Borneo Sabah dari Kampung Lot M ke Sukau akan dikeluarkan dan memulakan pembinaannya segera terutama selepas kejadian seorang pemandu lori sampah Majlis Daerah Kinabatangan dilaporkan menjadi mangsa apabila cuba mengelak lubang besar di jalan itu.

55. PR-1531-L23319

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Kubang Pasu] minta **MENTERI PELABURAN, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI** menyatakan Perdagangan dan Industri menyatakan butir-butir mengenai kerjasama strategik antara YTL Power International Berhad dengan NVIDIA Corporation dalam membangunkan infrastruktur kecerdasan buatan (A.I) bagi membawa "*Supercomputers* yang terpantas ke Malaysia pada pertengahan tahun 2024. Ia dijangka melibatkan pelaburan sebanyak RM15 billion (\$4.3 B).

56. PR-1531-L23358

Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee [Beluran] minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan apakah punca penyakit misteri yang telah menyerang tanaman padi di Yan, Kedah pada awal tahun ini dan apakah langkah yang telah dilakukan oleh Kementerian bagi menyelesaikan masalah ini serta kesan kepada pengeluaran beras dalam negara.

57. PR-1531-L22980

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Bera] minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan :-

- (a) kemajuan program-program yang telah dilaksanakan di bawah Inisiatif Pendapatan Rakyat (IPR), berapa ramai yang terlibat dan apakah ada di antara peserta telah berjaya keluar daripada garis kemiskinan tegar; dan
- (b) berapa jumlah mesin-mesin penjual (*vending machine*) telah dipasang dan kos yang terlibat serta impak kepada para peserta.

58. PR-1531-L23926

Dato' Haji Ahmad bin Saad @ Yahaya [Pokok Sena] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan usaha menyenaraikan semula nikotin dalam senarai Akta Racun 1952 serta mengembalikan Dasar Generasi Penamat (GEG) yang telah dihapuskan oleh Menteri sebelum ini.

59. PR-1531-L23009

Dato' Seri Hishammuddin bin Tun Hussein [Sembrong] minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan :-

- (a) apakah perkembangan niat Kerajaan menggantikan pengkelasan sosioekonomi sedia ada seperti B40, M40 dan T20 kepada pendapatan boleh belanja; dan
- (b) bagaimanakah model pendapatan boleh belanja membantu agihan sumber Kerajaan dengan lebih adil.

60. PR-1531-L23217

Tuan Cha Kee Chin [Rasah] minta **MENTERI PELABURAN, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI** menyatakan bagaimana pihak Kerajaan dan Matrade dapat membantu hasil produk makanan PMKS dipasarkan di pasaran antarabangsa melalui rangkaian perdagangan yang sedia ada.

61. PR-1531-L23289

Datuk Andi Muhammad Suryady bin Bandy [Kalabakan] minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan status terkini pembinaan Lebuhraya Pan Borneo di Sabah dan bilakah jangkaan bagi projek pan borneo Fasa 3 yang mencakupi jajaran Tawau, Kalabakan, Keningau dan Kimanis akan mula dilaksanakan memandangkan struktur jalan semasa yang sudah semakin teruk dan melebihi tempoh hayat penggunaannya.

62. PR-1531-L24002

Tuan Haji Wan Hassan bin Mohd Ramli [Dungun] minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan rangka-rangka untuk memajukan tempat pelancongan seperti Taman Rimba Bukit Bauk dan sekitarnya kerana berdekatan dengan stesen utama ECRL yang akan siap tidak lama lagi.

63. PR-1531-L22991

Puan Rodiyah binti Sapiee [Batang Sadong] minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan melalui dapatan awal PADU, adakah Kerajaan akan memperkenalkan klasifikasi pendapatan bolehguna memandangkan pengkelasan B40, M40, T20 tidak berjaya memberi gambaran tepat terhadap keadaan ekonomi sebenar rakyat terutamanya mengambil kira kadar inflasi, kuasa beli yang lemah dan pendapatan boleh guna yang rendah.

64. PR-1531-L23434

Komander Nordin bin Ahmad Ismail TLDM (Bersara) [Lumut] minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan apakah Kementerian mempunyai perancangan mempromosi Lumut sebagai destinasi pelancongan berkonsepkan elemen mesra Tentera Laut dan maritim kerana Lumut telah diisytiharkan sebagai Bandar Tentera Laut, Pelancongan dan Maritim yang menjadikan ia sebaris dengan lebih 20 buah Naval Town di seluruh dunia seperti Portsmouth, Yokosuka dan Sydney.

65. PR-1531-L22989

Puan Young Syefura binti Othman [Bentong] minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan :-

- (a) apakah langkah Kerajaan bagi memberi penekanan yang lebih kepada *Human Development Index* (HDI) berbanding GDP yang tidak menjelaskan keadaan sebenar kualiti hidup rakyat; dan
- (b) apakah status terkini projek rintis Model Gaji Progresif dan jumlah syarikat yang terlibat.

66. PR-1531-L23944

Tuan Rushdan bin Rusmi [Padang Besar] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan implikasi terhadap pasaran buruh hasil daripada meratifikasi Konvensyen 155 daripada Pertubuhan Buruh Antarabangsa (ILO).

67. PR-1531-L23597

Dato' Haji Adnan bin Haji Abu Hassan [Kuala Pilah] minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan apakah keperluan untuk menggesa rakyat mengemas kini maklumat di Sistem Pangkalan Data Utama (PADU) memandangkan semua maklumat telahpun ada di dalam sistem maklumat Kerajaan sedia ada serta apakah jaminan Kerajaan tidak akan berlaku sebarang kebocoran maklumat peribadi rakyat melalui sistem ini.

68. PR-1531-L23850

Dr. Ahmad Fakhruddin bin Fakhrurazi [Kuala Kedah] minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan sejauh mana inisiatif penghasilan benih padi sah seperti ketetapan Standard Jabatan Pertanian Malaysia (SJPM - 2007) dikawal selia dan diedar supaya tidak berlaku kejadian "Padi Hampa" yang telah mengurangkan hasil tuaian beras bermutu tinggi .

69. PR-1531-L23200

Tuan Haji Aminolhuda bin Hassan [Sri Gading] minta **MENTERI PELABURAN, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI** menyatakan berapa banyakkah motosikal elektrik menerusi Skim Galakan Penggunaan Motosikal Elektrik (MARiiCas) telah berjaya di jual dan siapakah yang layak mendapatkan skim ini.

70. PR-1531-L23872

Datuk Haji Awang bin Hashim [Pendang] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan jumlah lepasan sekolah menengah yang menyertai bidang pendidikan TVET dan penglibatan pihak swasta dalam memastikan bidang TVET sentiasa signifikan dengan keperluan sektor pekerjaan seterusnya menjamin golongan terbabit mendapat pekerjaan.

71. PR-1531-L23708

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh] minta **MENTERI PERLADANGAN DAN KOMODITI** menyatakan perkembangan aduan Malaysia terhadap sekatan anggota Kesatuan Eropah (EU) terhadap minyak sawit Malaysia dan Indonesia di WTO. Apakah strategi Malaysia untuk menangani cabaran *European Union Deforestation Regulation* (EUDR).

72. PR-1531-L23632

Tuan Riduan bin Rubin [Tenom] minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan apakah perkembangan terkini berhubung siasatan terhadap dakwaan kewujudan sindiket kartel beras di dalam negara dan adakah pihak Kementerian bercadang untuk memiliknagarakan semula Padiberas Nasional Berhad bagi melindungi kepentingan industri beras dan keterjaminan makanan negara.

73. PR-1531-L23182

Puan Rodziah binti Ismail [Ampang] minta **MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH** menyatakan dasar, bidang kuasa dan garis panduan jelas bagi pelantikan Ketua Kampung Tradisi di Selangor serta keperluan wujudnya dua entiti, Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK) berbanding Jawatankuasa Pembangunan dan Keselamatan Kampung (JPKK) sedangkan Malaysia kini ditadbir oleh Kerajaan Perpaduan.

74. PR-1531-L23981

Dato' Dr. Ahmad Yunus bin Hairi [Kuala Langat] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan berkaitan Akta Kawalan Produk Merokok Demi Kesihatan Awam yang telah pun diluluskan dalam sidang yang lalu bilakah akta ini akan dikuatkuasakan dan apakah persiapan yang telah dilakukan dan apakah status peraturan-peraturan yang telah dirangka.

75. PR-1531-L23670

Dato' Muhammad Bakhtiar bin Wan Chik [Balik Pulau] minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan apakah bentuk promosi pelancongan dan fokus utama mengikut garis masa dari sekarang sehingga 2026 yang terdapat dalam perancangan MOTAC/Tourism Malaysia sempena Tahun Melawat Malaysia 2026.

76. PR-1531-L23827

Tuan Haji Abdul Latiff bin Abdul Rahman [Kuala Krai] minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan :-

(a) berapa jumlah yang telah mendaftar dan mengemaskini PADU setakat ini dan adakah ianya mencapai sasaran; dan

(b) apakah Kerajaan berpuas hati dengan kerangka dan pelaksanaannya.

77. PR-1531-L23294

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas] minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan rancangan dan tindakan Kementerian untuk menggalakkan rakyat Malaysia terutamanya anak muda melibatkan diri dalam industri pertanian.

78. PR-1531-L23693

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru] minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan tindakan penguatkuasaan ke atas pengimportan pelbagai jenis sayur-sayuran yang melanggar piawaian racun serangga Minimum Residual Level (MRL). Nyatakan jumlah pemeriksaan, penolakan kemasukan dan negara sumber import yang melanggar MRL dari tahun 2018 hingga 2023.

79. PR-1531-L23588

Tuan Manndzri bin Nasib [Tenggara] minta **MENTERI PERLADANGAN DAN KOMODITI** menyatakan apakah perancangan Kementerian dalam memperkenalkan baka pokok getah baharu yang lebih produktif dengan daya tahan penyakit yang tinggi serta dapat menghasilkan susu getah yang lebih banyak dan menguntungkan para pekebun.

80. PR-1531-L22895

Dato' Sri Richard Riot anak Jaem [Serian] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan adakah Kementerian bercadang untuk membina sebuah Klinik Kesihatan Jenis 3 di Bandar Mutiara Tebedu, Sarawak.

81. PR-1531-L23233
Dato Henry Sum Agong [Lawas] minta **MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH** menyatakan apakah usaha Kementerian untuk memastikan kesemua orang miskin khususnya di kawasan luar bandar mendapat bantuan yang diperlukan.
82. PR-1531-L22939
Dato' Mohd Isam bin Mohd Isa [Tampin] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan usaha yang sedang dilakukan bagi menyelesaikan masalah kekurangan doktor atau pegawai perubatan, khususnya di Hospital Tampin agar dapat memberikan perkhidmatan perubatan yang berkualiti secara berterusan kepada masyarakat setempat.
83. PR-1531-L23987
Datuk Ali anak Biju [Saratok] minta **MENTERI PELABURAN, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI** menyatakan perincian mengenai kolaborasi strategik antara Indonesia, Malaysia dan Brunei Darussalam dalam Komuniti Ekonomi Borneo (BEC) ekoran sesi Meja Bulat Perniagaan Borneo yang lalu.
84. PR-1531-L23022
Puan Isnaraissah Munirah Majilis [Kota Belud] minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan daripada 678,300 peluang pekerjaan yang telah berjaya dicipta pada tahun 2008-2020 melalui Wilayah Koridor Pembangunan Sabah (Sabah Development Corridor- SDC), nyatakan dalam bentuk pecahan seperti jenis industri, jenis pekerjaan, jumlah pekerja tempatan berbanding pekerja asing dan daerah-daerah yang terlibat.
85. PR-1531-L24169
Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik] minta **MENTERI PERLADANGAN DAN KOMODITI** menyatakan usaha Kerajaan menangani masalah akibat penurunan harga, kekurangan penoreh getah, faktor iklim seperti fenomena El Nino, dan monsun Timur Laut serta penyebaran penyakit luruhan daun *Pestalotiopsis* yang kekal sebagai faktor dominan bagi industri getah sejak beberapa tahun lepas.
86. PR-1531-L23012
Dato' Seri Hishammuddin bin Tun Hussein [Sembrong] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan adakah Kementerian bercadang untuk mengawal selia iklan dan promosi terhadap pemakanan kurang berkhasiat serta menggalakkan kempen gaya hidup sihat dengan mengambil kira kadar obesiti rakyat Malaysia adalah yang tertinggi di Asia Tenggara iaitu 15.6%.

87. PR-1531-L23259

Tuan Tan Hong Pin [Bakri] minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan adakah Kementerian akan meneruskan projek BRT atau bertukar untuk membangunkan LRT Johor Bahru, dan apakah pertimbangan dalam penentuan pembangunan sistem pengangkutan awam. Apakah impak dijangkakan projek BRT/LRT terhadap pembangunan ekonomi, sosial dan mobiliti penduduk Johor Bahru, serta penglibatan penduduk dalam proses keputusan.

88. PR-1531-L23498

Tan Sri Dato' Haji Mahiaddin bin Haji Mohd. Yassin [Pagoh] minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan :-

- (a) apa dan berapakah program pemerkasaan agenda ekonomi Bumiputera yang telah dijalankan oleh kerajaan antara November 2022 sehingga kini; dan
- (b) apakah sasaran jangka pendek, sederhana dan panjang Kerajaan berhubung agenda ekonomi Bumiputera.

89. PR-1531-L23300

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas] minta **MENTERI PELABURAN, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI** menyatakan tindakan yang diambil oleh Kerajaan memujuk Kerajaan Negara China membenarkan pelabur-pelabur negara itu membawa dana dari Negara China untuk melabur di Malaysia kerana tanpa kebenaran tersebut mata wang Renminbi tidak boleh ditukar kepada wang negara asing.

90. PR-1531-L23977

Datuk Ali anak Biju [Saratok] minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan apakah usaha untuk melonjakkan kerjasama ekonomi Malaysia-Indonesia mengambil kira projek pembangunan Nusantara di Kalimantan serta inisiatif yang diambil oleh pihak Kerajaan untuk memperkukuhkan lagi kerjasama serantau seiring dengan pembangunan tersebut.

91. PR-1531-L23237

Tuan Tan Kok Wai [Cheras] minta **MENTERI PELABURAN, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI** menyatakan status terkini pelaburan Geely yang bernilai ASD10 bilion di Malaysia.

92. PR-1531-L23375

Dato' Seri Hamzah bin Zainudin [Larut] minta **MENTERI PELABURAN, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI** menyatakan apakah cadangan MITI untuk benarkan graduan asing bekerja di sektor berteknologi tinggi di Malaysia sudah dibincang dan diputuskan Kabinet serta adakah cadangan tersebut merupakan liberalisasi ekonomi dalam menyelesaikan sesuatu isu yang melingkari permasalahan negara.

93. PR-1531-L24106

Puan Hajah Salamiah binti Mohd Nor [Temerloh] minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan perancangan ekonomi jangka sederhana dan jangka panjang bagi memperkasakan agenda Bumiputera.

94. PR-1531-L23424

Dato' Haji Mohd Suhaimi bin Abdullah [Langkawi] minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan :-

- (a) statistik permohonan dan kelulusan peserta di bawah program Malaysia Rumah Keduaku (MM2H); dan
- (b) apakah usaha penambahbaikan Kerajaan terhadap program MM2H termasuk implikasi kelonggaran syarat program terbabit seperti tapisan keselamatan yang dijalankan terhadap peserta yang memohon program MM2H selain mengatasi lambakan kemasukan warga asing.

95. PR-1531-L24115

Tuan Haji Muhammad Islahuddin bin Abas [Mersing] minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan apakah status terkini Pelan Hala Tuju Peralihan Tenaga Negara (NETR) Fasa Pertama dalam memenuhi sasaran pelepasan sifar bersih termasuk jumlah pelaburan yang dikenal pasti serta bilangan peluang pekerjaan yang telah dijana sehingga kini.

96. PR-1531-L23793

Kapten Azahari bin Hasan [Padang Rengas] minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan tentang risiko kebocoran maklumat keselamatan sistem PADU yang dilancarkan baru-baru ini.

97. PR-1531-L22767

Tuan William Leong Jee Keen [Selayang] minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan apakah protokol keselamatan yang dipakai dalam penjagaan data PADU bagi memastikan tiada kebocoran data seperti yang berlaku kepada Agensi SPR dan JPN pada tahun-tahun lepas tidak lagi berulang.

PADA PERMULAAN URUSAN MESYUARAT
MENGEMUKAKAN RANG UNDANG-UNDANG KERAJAAN
UNTUK BACAAN KALI YANG PERTAMA

1. **Menteri Kewangan**

- * Rang Undang-Undang Wang Tak Dituntut (Pindaan) 2024.

* Menandakan bahawa Rang Undang-undang ini akan dibawa pada semua peringkat di mesyuarat ini.

ATURAN URUSAN MESYUARAT DAN USUL-USUL

1. **Tuan Haji Azli bin Yusof [Shah Alam]** akan mencadangkan :

"Bahawa suatu ucapan yang tidak sepertinya dipersembahkan kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, demikian bunyinya :

"Ampun Tuanku,

Patik, Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Rakyat Malaysia di dalam Persidangan Parlimen, memohon ampun mempersembahkan suatu ucapan yang ikhlas daripada Majlis Dewan Rakyat mengucapkan berbanyak-banyak syukur dan menjunjung kasih Titah Ucapan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong semasa membuka Penggal Ketiga, Parlimen Yang Kelima Belas.""

Menyambung semula perbahasan atas masalah (7 Mac 2024)

- | | | | |
|----|-----------------|---|-------------------------------|
| 2. | (D.R 38/2023) | Rang Undang-Undang Bantuan Bersama dalam Perkara Jenayah (Pindaan) 2023 | Bacaan Kali Yang Kedua |
| | | [Perdana Menteri] | |
| 3. | (D.R 41/2023) | Rang Undang-Undang Kekebalan Bidang Kuasa Negara Asing 2023 | " |
| | | [Perdana Menteri] | |
| 4. | (D.R 39/2023) | Rang Undang-Undang Universiti dan Kolej Universiti (Pindaan) 2023 | " |
| | | [Menteri Pendidikan Tinggi] | |
| 5. | (D.R 37/2023) | Rang Undang-Undang Lembaga Lebuhraya Malaysia (Pemerbadanan) (Pindaan) 2023 | " |
| | | [Menteri Kerja Raya] | |
| 6. | (D.R 35/2023) | Rang Undang-Undang Kualiti Alam Sekeliling (Pindaan) 2023 | " |
| | | [Menteri Sumber Asli dan Kelestarian Alam] | |
| 7. | (D.R 1/2024) | Rang Undang-Undang Perniagaan Perkhidmatan Wang (Pindaan) 2024 | " |
| | | [Menteri Kewangan] | |

8. (D.R 2/2024) Rang Undang-Undang Juruukur Tanah Berlesen (Pindaan) 2024 **Bacaan Kali Yang Kedua**

[Menteri Sumber Asli dan Kelestarian Alam]

9. PR-1531-U(27)308

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan untuk mempertimbangkan pengecualian kenaikan cukai perkhidmatan sebanyak dua peratus dari enam ke lapan peratus terhadap bil elektrik dan air yang dijadualkan bermula Mac 2024.

Kadar kenaikan ini pastinya akan menambah beban bulanan isi rumah terutama golongan B40 serta M40 dan perniagaan termasuklah sektor pembuatan dan perkhidmatan. Justeru, memandangkan situasi ekonomi negara yang masih belum pulih sepenuhnya dan ditambah lambakan cukai baharu yang akan mula dilaksanakan pada tahun 2024, Kerajaan seharusnya mengekalkan kadar cukai perkhidmatan sedia ada untuk bil elektrik seperti yang diberikan kepada sektor makanan dan minuman, tempat letak kereta dan telekomunikasi."

[Menteri Kewangan]

10. PR-1531-U(27)309

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa cukai barang dan perkhidmatan (GST) untuk diperkenalkan semula bagi menjana kembali pendapatan negara dengan lebih baik dengan melaksanakan beberapa penambahbaikan terhadap mekanisme GST itu sendiri.

Kerajaan boleh mempertimbangkan kadar GST yang lebih rendah iaitu daripada 6 peratus kepada 4 peratus yang dilihat lebih munasabah serta tidak membebankan pengguna dan pembayar cukai. Manakala pelaksanaan serta pematuhannya perlu dipermudah dengan kesan minima kepada perniagaan seperti penambahbaikan mekanisme pembayaran semula cukai dapat disegerakan dalam tempoh 14 hari dan Kerajaan perlu melantik auditor bebas dari pihak swasta untuk menyemak rekod bagi memastikan tiada sebarang pelanggaran cukai berlaku.

Sistem percukaian GST yang pernah dilaksanakan negara sebelum ini adalah sistem cukai yang lebih baik berbanding pelaksanaan cukai jualan dan perkhidmatan (SST) dan lambakan cukai yang akan dilaksanakan pada tahun ini, dan seharusnya Kerajaan perlu segera mengambil iktibar dari kesan pemansuhan GST pada 2018 yang telah membebankan rakyat sehingga hari ini."

[Menteri Kewangan]

11. PR-1531-U(27)310

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan untuk membuat penetapan dengan lebih adil bagi pelaksanaan cukai jualan dan perkhidmatan (SST) terhadap cabang perubatan dengan tidak membebankan pesakit yang menjalani rawatan perubatan tradisional dan komplementari (PT&K / TCM).

Sektor TCM, merangkumi ubat-ubatan tradisional Cina dan Melayu serta perubatan ayurveda adalah cabang sistem penjagaan kesihatan dan adalah tidak wajar dikenakan SST sama seperti perubatan moden atau barat.

Malah, menurut seksyen 37, Garis Panduan Perkhidmatan Profesional bertarikh 21 September 2021 yang dikeluarkan oleh Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) jelas memberi pengecualian SST kepada perkhidmatan perubatan dan pembedahan kepada manusia dan haiwan yang ditawarkan oleh pengamal perubatan di klinik swasta, klinik pakar termasuk khidmat runding oleh pengamal perubatan.

Maka, kerajaan digesa untuk konsisten dan kekal memberi pengecualian bagi perkhidmatan TCM ini daripada dikenakan cukai SST sama seperti pengecualian SST ke atas perkhidmatan perubatan moden."

[Menteri Kewangan]

12. PR-1531-U(27)311

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini mencadangkan tahun 2024 adalah merupakan ulang tahun ke-50 penubuhan hubungan diplomatik antara Malaysia dan Republik Rakyat China, berikutan pemeteraian Kenyataan Bersama (*Joint Communique*) antara Perdana Menteri Tun Abdul Razak dan Perdana Menteri Chou En-Lai pada 31 Mei 1974.

China adalah rakan dagangan terbesar Malaysia sejak 2009 dan angka ini saban tahun meningkat, dan China akan menjadi kuasa ekonomi terbesar dunia menjelang tahun 2030 mengatasi Amerika Syarikat.

Maka, diusulkan Kerajaan untuk mengadakan sambutan besar-besaran sempena meraikan ulang tahun hubungan diplomatik yang penuh bersejarah ini bagi merapatkan keakraban antara Malaysia dan China yang secara tidak langsung dapat memberi nilai tambah kepada pertumbuhan ekonomi negara menerusi pelbagai bidang kerjasama termasuklah perdagangan dan pelaburan. "

[Menteri Luar Negeri]

13. PR-1531-U(27)312

Dato' Indera Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat menggesa Kementerian untuk mewujudkan dasar buruh asing yang jelas dan polisi yang lengkap dalam memastikan kehadiran buruh asing tidak akan membelenggu ekonomi Malaysia kerana mereka telah pun mendominasi beberapa industri dalam negara bukan lagi sebagai pekerja tetapi sebagai pengusaha.

Kehadiran pekerja migran diakui dapat membantu negara mengatasi masalah kekurangan pekerja dan membantu mencapai kadar pertumbuhan ekonomi yang lebih tinggi. Namun, kemasukan buruh asing yang ketara bermula sejak akhir 1980-an didukung oleh dasar perindustrian yang pesat sebaliknya memberi impak negatif pada hari ini. Pada tempoh awal kemasukan mereka di Malaysia, mereka hanya terlibat sebagai buruh kasar di sektor formal. Usai peredaran masa, berlaku anjakan pekerjaan pekerja migran untuk menyesuaikan keadaan ekonomi terutamanya semasa krisis ekonomi 1997 dan 2008.

Lebih merunsingkan, pertumbuhan penduduk warga asing kini telah pun melangkaui lebih dari 2 generasi. Adalah dijangka fenomena anjakan pekerja kepada pengusaha asing dalam sektor formal dan tidak formal ini akan menyebabkan usaha kerajaan untuk mengurangkan perbezaan jurang pendapatan menjadi semakin sulit."

[Menteri Sumber Manusia]

14. PR-1531-U(27)313

Dato' Indera Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat menggesa Kementerian untuk menubuhkan satu Institut Hak Asasi, Penyelidikan dan Pembangunan Orang Asli. Malaysia sebagai salah satu ahli Pertubuhan Bangsa Bangsa Bersatu (PBB) pada dasarnya telah bersetuju pada 13 September 2007 berkaitan dengan *Declaration on the Rights of Indigenous People* dengan resolusi untuk menubuhkan *National Institution on The Rights of Indigenous People*. Namun sehingga hari ini, kita masih belum menubuhkan sebarang institut yang mengangkat martabat orang asli.

Adalah dicadangkan Universiti Teknologi MARA (UiTM) sebagai peneraju selaras peranan mereka dalam memajukan bumiputera sekaligus mengiktiraf orang asli sebagai kaum bumiputera di Malaysia malahan capaian lokaliti UiTM dilihat mempunyai kelebihan lantaran kewujudan kampus di serata Malaysia.

Penubuhan Institut Orang Asli ini bukanlah untuk mengambil alih peranan Majlis Penasihat Kebangsaan Masyarakat Orang Asli (MPKPMOA) sebagai penasihat kerajaan, atau Jabatan Kemajuan Orang Asli (JKOA). Sebaliknya, Institut ini boleh menjadi gandingan yang mempunyai autoriti dan kefahaman menyeluruh dalam memberikan pandangan yang berwibawa serta mempunyai merit bagi melaksanakan perancangan yang melibatkan Orang Asli.

Sudah tiba masanya Orang Asli perlu di beri peluang sepenuhnya, secara terus dan aktif, mengurus dan mentadbir serta mengemudi institusi, budaya dan cara hidup yang berkait secara langsung dengan arus pembangunan negara.”

[Menteri Kemajuan Desa dan Wilayah]

15. PR-1531-U(27)314

Dato' Indera Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat menggesa Kerajaan mewujudkan dasar dan polisi Pembangunan Tempatan Diterajui Komuniti atau *Community Led Local Development* yang mewajibkan syarikat-syarikat yang memperolehi projek mega berjumlah RM500 juta ke atas untuk menyediakan satu dana khas secara tanggungjawab sosial korporat atau CSR bagi program pembangunan bakat tempatan dan setempat yang bersifat holistik yang akan menyokong perkembangan ekonomi setempat.

Dasar ini menyokong tindakan pembangunan tempatan, bertujuan untuk menggerakkan dan melibatkan masyarakat tempatan dengan membina potensi khusus setiap lokaliti dan menyokong bakat tempatan terutama golongan bumiputera. Kehadiran projek mega ke sesuatu tempat terutama kawasan luar bandar sewajarnya memberi manfaat berterusan sebelum, semasa dan selepas pembinaan kepada penduduk setempat. Dengan mewujudkan syarikat dari dana CSR projek mega ini mampu membangun bakat setempat di samping manfaat ekonomi berterusan kepada mereka.

Adalah menjadi harapan, limpahan atau *spill over* impak projek pembangunan mega dapat dirasakan dan dimanfaatkan sepenuhnya oleh penduduk setempat.”

[Menteri Kewangan]

16. PR-1531-U(27)315

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [Arau] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan mengambil tindakan drastik untuk melepaskan negara dari himpitan Kos Sara Hidup. Pada 25 Januari kenyataan akhbar telah membicarakan Harga Ayam yang dijangka naik disebabkan tarif air naik dan baru-baru ini diumumkan insurans kereta akan meningkat bermula 1 Mac akibat kenaikan 8% cukai perkhidmatan yang turut melibatkan insurans dan lain-lain.

Sumbangan STR mungkin dapat meringankan sedikit beban perbelanjaan kepada penerima tetapi peningkatan harga menimbulkan cabaran kepada isi rumah dengan tahap kesusahan berbeza mengikut kumpulan pendapatan dan menyebabkan kesan lebih ketara seterusnya menjadikan kumpulan berkenaan lebih mudah terdedah kepada tekanan kos sara hidup. Oleh hal yang demikian, adalah diharapkan Kementerian segera dapat mengambil tindakan sewajarnya untuk mententeramkan kegusaran rakyat yang berhadapan bebanan ekonomi. "

[Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup]

17. PR-1531-U(27)316

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [Arau] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa supaya Kerajaan segera membina Pangkalan di Beting Patinggi Ali. Sehingga kini tiada langkah tegas yang diambil pihak Kerajaan untuk menghalang pencerobohan kapal China di Beting Patinggi Ali yang terletak dalam kawasan Zon Ekonomi Eksklusif (ZEE) Malaysia. Adalah diharapkan pihak Kerajaan dapat merancang dan melaksanakan mekanisme yang lebih efektif untuk menangani masalah ini setelah nota diplomatik yang dihantar pihak Malaysia seperti tidak dihiraukan bagi memastikan Beting Patinggi Ali menjadi hak Malaysia."

[Menteri Pertahanan]

18. PR-1531-U(27)317

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [Arau] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya menyegerakan pembinaan tembok kekal di sempadan Malaysia-Thailand bagi mengekang kegiatan penyeludupan dan jenayah rentas sempadan di negara ini. Pembinaan dan baik pulih tembok sempadan Malaysia-Thailand perlu agar dapat merangkumi keseluruhan perbatasan dari Perlis hingga Kelantan dan suatu pelan tindakan komprehensif merangkumi semua agensi Kerajaan bagi kawalan sempadan Malaysia-Thailand adalah sangat diperlukan.

Kerajaan Malaysia sebelum ini telah memberikan komitmen untuk membina tembok sempadan tersebut tetapi sehingga terkini masih tiada pelan pembangunan komprehensif dan terperinci yang diumumkan. Mohon pihak kerajaan memandang serius perkara ini dengan menyegerakan pembangunan tembok sempadan Malaysia - Thailand secara menyeluruh dan memastikan suatu pelan komprehensif merangkumi semua agensi Kerajaan bagi kawalan sempadan Malaysia - Thailand agar benar-benar berkesan menjamin keselamatan perbatasan negara. "

[Menteri Dalam Negeri]

19. PR-1531-U(27)318

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [Arau] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan bersikap adil dalam mengamalkan kebebasan media di Malaysia. Kerajaan tidak seharusnya menjadikan Suruhanjaya Komunikasi Multimedia Malaysia (SKMM) sebagai alat politik untuk menyekat mana-mana isi kandungan media yang tidak 'pro' Kerajaan atau tidak sependapat dengan Kerajaan. YAB Perdana Menteri yang memerintah Kerajaan pada masa ini telah berikrar dalam manifestonya untuk memastikan hak kebebasan bersuara dan melindungi kebebasan media. Namun, keadaan sebaliknya berlaku selepas beberapa bulan beliau membentuk Kerajaan.

Lebih mendukacitakan, kebebasan media yang diwar-warkan Kerajaan hanyalah terhad kepada 'pro' Kerajaan sahaja, manakala parti pembangkang secara halus dikenakan sekatan kepada akses media. Mana-mana media rasmi Kerajaan mahupun swasta tidak diberi kebenaran untuk menyiarkan berita mengenai parti pembangkang mahupun pihak yang menentang Kerajaan. Oleh hal demikian, Kementerian digesa supaya berlaku adil dalam menyalurkan maklumat kepada rakyat. Tindakan ini adalah penting untuk memastikan hak kebebasan media tidak dicabul sewenang-wenangnya oleh pihak-pihak tertentu. "

[Menteri Komunikasi]

20. PR-1531-U(27)319

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [Arau] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan untuk segera menyelesaikan masalah pekerja e-hailing dan p-hailing. Akta khusus perlu diwujudkan segera oleh pihak Kerajaan berkaitan ekonomi gig agar isu-isu yang berkaitan ini tidak berlarutan kerana hanya pihak Kerajaan yang boleh merangka dan mengeluarkan polisi atau garis panduan meliputi keseluruhan ekosistem ekonomi gig p-hailing. Kerajaan digesa untuk campur tangan di dalam isu pengurangan upah penunggang p-hailing dan mengambil tindakan sewajarnya untuk membela nasib kumpulan pekerja ekonomi gig ini."

[Menteri Pengangkutan]

21. PR-1531-U(27)320

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [Arau] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya membentuk satu pasukan petugas khas bagi memberi perhatian terhadap isu pencerobohan sempadan yang berlaku di Sabah dan Sarawak. Seperti di ketahui, Sabah dan Sarawak pula berkongsi sempadan darat sejauh 2,019.5km dengan Kalimantan, Indonesia. Daratan Negara Brunei Darussalam dibatasi sepenuhnya oleh Sarawak sepanjang 481.3km. Kebanyakan kawasan perbatasan Malaysia bersama negara-negara jirannya terletak di kawasan perbukitan yang diliputi hutan tebal dan kawasan perairan laut menyebabkan kawalan terhadap kawasan-kawasan ini sulit dilakukan.

Oleh sebab itu, masalah pencerobohan, penyeludupan, pemerdagangan manusia dan perdagangan narkotik adalah antara isu yang saban tahun masih berlaku dan sukar ditumpaskan. Susulan pembangunan Nusantara, ibu negara baharu Indonesia di Kalimantan Timur dan dengan siapnya Lebuhraya Sematan – Telok Melano secara tidak langsungnya meningkatkan risiko pencerobohan sempadan sama ada melalui darat dan laut terutamanya melalui Taman Negara Tanjong Datu.

Oleh hal yang demikian, tindakan segera kerajaan bagi mencari solusi terbaik kepada masalah kawalan sempadan ini adalah amat diharapkan."

[Menteri Dalam Negeri]

22. PR-1531-U(27)321

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [Arau] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan agar memperluaskan Program Kemudahan Sokongan Akaun 2 (FSA2) Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) kepada pencarum berusia bawah 40 tahun ke bawah. Inisiatif FSA2 dilihat sebagai alternatif segera yang dapat membantu rakyat yang terkesan dalam menangani isu kos sara hidup dan kenaikan harga barangan pada masa ini."

[Menteri Kewangan]

23. PR-1531-U(27)322

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [Arau] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa supaya Kerajaan meletakkan sebuah garis panduan untuk sekolah-sekolah bagi pengurusan dana, perbelanjaan, dan juga aktiviti kutipan wang daripada pelajar, ibu-bapa, dan orang ramai. Selain itu, sebuah badan pemantau perlu diwujudkan bagi memastikan garis panduan ini dipatuhi.

Ini kerana, kini sudah menjadi sebuah kelaziman untuk pihak- pihak sekolah menganjurkan program-program dan majlis-majlis yang memakan belanja besar, yang menggunakan duit daripada poket pelajar. Sebahagian daripada majlis ini mewajibkan kehadiran, dan sebahagian lainnya adalah secara sukarela. Tetapi harus kita faham, kewujudan jurang ekonomi akan membuatkan wujudnya golongan pelajar yang rasa keciciran sosial disebabkan faktor kewangan keluarga. Ia juga membuat mereka berasa tertekan serta memberi tekanan kepada ibu-bapa, lebih-lebih lagi dalam situasi ekonomi kini.

Bukan sahaja untuk majlis, malah sering juga pihak sekolah membuat kutipan wajib bagi pembaharuan infrastruktur, dan kutipan ini kadangkala boleh mencecah ratusan ringgit. Isu ini merupakan sebuah isu yang kurang mendapat perhatian tetapi penting untuk dibawa ke hadapan kerana ia melibatkan sosioekonomi keluarga B40 & M40 serta kesejahteraan perkembangan minda dan emosi para pelajar yang bakal menjadi teraju negara ini di masa hadapan.

Selain itu, dibimbangi jika tiada pemantauan dilakukan, perkara ini akan membuka ruang untuk pihak tertentu mengambil kesempatan."

[Menteri Pendidikan]

RISALAT-RISALAT YANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT
(DEWAN RAKYAT)

<u>TAHUN</u> <u>2024</u>	<u>RISALAT/DOKUMEN</u>	<u>TARIKH</u> <u>DIBENTANGKAN</u>
DR. 2	Penyata Jawatankuasa Pemilih Dewan Rakyat	11 Mac 2024
ST. 39	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM) Bagi Tahun 2022	11 Mac 2024

****UCAPAN-UCAPAN**
(PERATURAN MESYUARAT 17)
(KAMAR KHAS)

Tarikh Ucapan	Ahli Yang Berucap	Tajuk Ucapan	Menteri Yang Bertanggungjawab
11.03.2024 (Isnin)	1. YB Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong (Ayer Hitam)	1. Garis Panduan Perancangan Ladang Ternakan Unggas	1. YB Menteri Pertanian Dan Keterjaminan Makanan
	2. YB Tuan Haji Muhammad Islahuddin bin Abas (Mersing)	2. Isu-isu Berkaitan Institusi Tahfiz Al- Quran di Negeri Johor 3. Pengubahan Had Pelabuhan Mersing	2. YB Menteri di Jabatan Perdana Menteri 3. YB Menteri Pengangkutan

**** Ucapan Di Bawah Usul Berkenaan Perkara Tadbir Kerajaan (Peraturan Mesyuarat 17)**